

SIARAN AKHBAR

EMBARGO : JAM 11.00 PAGI – 7 FEBRUARI 2013 (KHAMIS)

TABUNG HAJI UMUM BONUS JUBLI EMAS UNTUK TAHUN KEWANGAN 2012

KUALA LUMPUR, Khamis, 7 Februari 2013: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini telah mengumumkan **Bonus Jubli Emas 2012** kepada para pendeposit **TH** dengan kadar sebanyak 6.5% sebagai bonus tahunan dan tambahan bonus khas sebanyak 1.5% untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Majlis pengumuman Bonus Jubli Emas **TH** 2012 yang berlangsung di Dewan Utama, Bangunan Ibu Pejabat **TH**, telah disempurnakan oleh YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kadar bonus tahunan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 27% kepada RM2.13 bilion berbanding RM1.68 bilion pada tahun 2011. Jumlah pembayaran keseluruhan Bonus Jubli Emas **TH** sebanyak RM2.46 bilion yang merangkumi pembayaran Bonus Tahunan sebanyak RM2.13 bilion dan Bonus Khas sebanyak RM325 juta, adalah merupakan yang tertinggi sejak 50 tahun penubuhan **TH**.

Menurut YB. Dato' Seri Jamil Khir, "*Selari dengan konsep simpanan pendeposit **TH** yang berlandaskan Al-Wadi'ah Yad Dhamanah iaitu simpanan yang dijamin kerajaan, di mana kadar pemberian pulangan kepada pendeposit adalah berdasarkan budi bicara atau hadiah dari **TH**. Sempena Sambutan Jubli Emas **TH**, pengurusan **TH** berusaha untuk memberikan hadiah istimewa kepada para pendeposit*".

Bonus Jubli Emas **TH** 2012 ini adalah untuk menghargai kesetiaan para pendeposit yang sentiasa yakin dan aktif menabung dana di TH. Kedudukan kewangan **TH** yang sentiasa positif dan kukuh serta lebihan wang Rizab yang telah dikumpul selama 7 tahun (2006 – 2012) adalah antara faktor penyumbang pembayaran bonus istimewa ini.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, Pengerusi **TH** dan YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif **TH**,

- Tamat -

LEMBAGA TABUNG HAJI



TABUNG HAJI
حي على الفلاح



SIDANG MEDIA BONUS JUBLI EMAS TABUNG HAJI 2012

Oleh

YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

KHAMIS, 7 FEBRUARI 2013

DEWAN UTAMA,
LANTAI BAWAH, BANGUNAN TABUNG HAJI
JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR

JAM : 9.30 PAGI

(SILA SEMAK SEMASA PENGUMUMAN DIBUAT)

Bismillahir-rahman-nir-rahim

Alhamdulillahirabbil'alamin. Wassalatuwassalamu ala Syaidina Muhammad Wa'ala Aalihi Wasohbihi Wasallam.

Tuan-tuan, Puan-puan dan para sahabat media yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih kerana sudi hadir membuat liputan pada pagi ini.

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana tahun 2012 berakhir dengan baik dan sekali lagi mencatat sejarah bagi Lembaga Tabung Haji (**TH**). Tahun ini merupakan tahun yang istimewa kerana **TH** menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50.

Selari dengan konsep simpanan pendeposit **TH** yang berlandaskan **Al-Wadi'ah Yad Dhamanah** iaitu simpanan yang dijamin kerajaan, di mana kadar pemberian pulangan kepada pendeposit adalah berdasarkan budi bicara atau hadiah dari **TH**. Sempena Sambutan Jubli Emas **TH**, pengurusan **TH** berusaha untuk memberikan hadiah istimewa kepada para pendeposit.

Saya dengan sukacitanya mengumumkan **Bonus Jubli Emas TH** kepada para pendeposit iaitu **Kadar Bonus Tahunan sebanyak 6.5% dan Bonus Khas sebanyak 1.5%.**

Bonus Jubli Emas **TH**, melibatkan jumlah pembayaran sebanyak **RM 2.46 billion**, yang terdiri daripada **bonus tahunan** sebanyak **RM2.13 bilion** dan **bonus khas** sebanyak **RM325 juta.**

| Bonus Tahunan 2012 | Bonus Khas 2012 | Bonus Jubli Emas TH 2012 |
|---------------------------|------------------------|---------------------------------|
| 6.5% | 1.5% | 6.5% + 1.5% |
| RM2.13 bilion | RM325 juta | RM2.46 bilion |

Bayaran Bonus Tahunan tersebut menunjukkan **peningkatan 27%** kepada **RM2.13 bilion** berbanding **RM1.68 bilion** pada tahun 2011. (Lampiran I)

Jumlah pembayaran keseluruhan **Bonus Jubli Emas TH** sebanyak **RM2.46 bilion** ini, adalah setelah mengambilkira pembayaran zakat perniagaan sebanyak **RM47 juta**. Ini merupakan jumlah pembayaran bonus yang tertinggi sejak 50 tahun penubuhan **TH**.

SIDANG MEDIA BONUS JUBLI EMAS TABUNG HAJI 2012

| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|----------------------------|------|----------------|------|-------|-------|-------|----------------|
| Kadar Bonus Pendeposit (%) | 4.75 | 5.00 +2.00* | 5.00 | 5.00 | 5.50 | 6.00 | 6.50 +1.50* |
| RM juta | 634 | 1,051 | 900 | 1,067 | 1,332 | 1,678 | 2,458 |

*Bonus Khas

2007 – Ulangtahun Malaysia ke-50

2012 – Ulangtahun TH ke-50

Inilah hadiah ulangtahun terbaik daripada **TH**, bagi menghargai kesetiaan pendeposit yang sentiasa yakin dan aktif menyimpan dana di **TH**. Kedudukan kewangan **TH** yang positif dan kukuh serta **lebih Wang Rizab** yang telah **dikumpul selama 7 tahun lalu**, membolehkan **TH** memberi hadiah istimewa ini kepada pendeposit.

Pengiraan Bonus Jubli Emas **TH** adalah seperti berikut:

| Bonus | Pengiraan | Jumlah |
|--------------------------|--|----------------------|
| Bonus Tahunan (6.50%) | (Baki minimum bulanan (Jan-Dis 2012)/ 12 bulan) x 6.50% | RM2,133 juta |
| *Bonus khas (1.50%) | (Baki minima bulanan (Jan 2006 hingga Dis 2012)/84 bulan) x 1.50% | RM325 juta |
| | Jumlah Bonus Jubli Emas TH | RM 2,458 juta |

Kadar bonus tahunan **TH** adalah kompetitif memandangkan profil pelaburan **TH** adalah terhad kepada pelaburan berlandaskan Syariah manakala tabungan di **TH** adalah secara sukarela dan tiada had.

Perbandingan kadar pulangan daripada akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional terhadap simpanan di **TH**, menunjukkan bahawa **TH** dapat menawarkan pulangan yang lebih kompetitif. Berdasarkan sumber dari Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pulangan akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional sejak tahun 2006 berbanding kadar bonus tahunan **TH** adalah seperti berikut:

| Tahun | Tabung Haji | Perbankan Konvensional | | Perbankan Islam | |
|-------------|---------------------|-------------------------|----------------------|-------------------------|----------------------|
| | | Bank Komersil | | Bank Komersil | |
| | Kadar Bonus Tahunan | Kadar Simpanan Tabungan | Kadar Simpanan Tetap | Kadar Simpanan Tabungan | Kadar Simpanan Tetap |
| | % | % | % | % | % |
| 2006 | 4.75 | 1.46 | 3.74 | 1.33 | 3.52 |
| 2007 | 5.00+2.00 | 1.44 | 3.71 | 1.25 | 3.7 |
| 2008 | 5.00 | 1.42 | 3.68 | 1.19 | 3.45 |
| 2009 | 5.00 | 0.94 | 2.56 | 0.95 | 3.01 |
| 2010 | 5.50 | 0.94 | 2.81 | 0.94 | 2.93 |
| 2011 | 6.00 | 1.07 | 3.14 | 1.01 | 3.24 |
| 2012 | 6.50+1.50 | 1.04 | 3.18 | 0.97 | 3.31 |

Sumber: BNM

PRESTASI KEWANGAN 2012

TH komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi ummah terus berkembang selari dengan dasar ekonomi kerajaan yang kukuh serta disokong oleh sistem monetari akomodatif. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara, **TH** juga terus mencatat keputusan yang amat membanggakan bagi tahun kewangan 2012.

| | 2006 RM Juta | 2007 RM Juta | 2008 RM Juta | 2009 RM Juta | 2010 RM Juta | 2011 RM Juta | 2012 RM Juta |
|----------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Pendapatan | 1,165 | 1,857 | 1,513 | 1,751 | 2,056 | 2,176 | 2,776 |
| Perbelanjaan Operasi | 322 | 322 | 402 | 445 | 408 | 435 | 477 |
| Keuntungan selepas Zakat & Cukai | 641 | 1,071 | 1,001 | 1,119 | 1,497 | 1,689 | 2,146 |

TH berjaya melonjakkan prestasi kewangannya dengan mencatatkan pendapatan **melebihi RM 2.0 bilion selama tiga tahun** berturut-turut sejak tahun 2010 **dan keuntungan bersih buat pertama kalinya melepasi RM2.0 bilion**, selepas berjaya berada di aras RM1.0 bilion selama lima tahun berturut-turut dari tahun 2007.

Pendapatan **TH** meningkat **28%** ke **RM2.8 bilion** berbanding dengan RM2.2 bilion pada tahun 2011. Pendapatan **TH** 2012 adalah melebihi dua kali ganda kadar pendapatan **TH** pada tahun 2006. (Lampiran II)

Keuntungan selepas zakat dan cukai TH (Lampiran III), buat julung kalinya mencecah **RM2.1 bilion**, berbanding **RM1.7 bilion** pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak **27%**. Keuntungan ini menunjukkan **peningkat lebih tiga kali ganda** keuntungan tahun 2006. Ianya menghasilkan tambah nilai (value creation) sebanyak **RM9.2 bilion** kepada dana pendeposit sejak tahun 2006.

Pertumbuhan **saiz dan dana pendeposit** (Lampiran IV) terus menunjukkan perkembangan yang baik ke **8.2 juta pendeposit** dengan **dana terkumpul mencecah RM35.8 bilion**, iaitu peningkatan **17% dan 13%** masing-masing, berbanding **7 juta** pendeposit dan **RM31.7 bilion** dana pada tahun 2011. Pertumbuhan saiz dan dana pendeposit telah meningkat hampir **tiga kali ganda** sejak awal tahun 2006, sekaligus menunjukkan keyakinan dan kesetiaan pendeposit kepada **TH**.

TH sentiasa mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah dan terkawal, walaupun sentiasa di pengaruhi oleh kos-kos perkhidmatan luaran yang sentiasa berubah dan meningkat.

Namun begitu secara keseluruhannya kadar perbelanjaan operasi terhadap pendapatan **TH** menunjukkan **penurunan iaitu 17% bagi tahun 2012** berbanding 20% bagi tahun 2011.


Langkah-langkah pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah dan kemantapan pengurusan operasi, memacu **TH** untuk mengukuhkan kedudukannya dalam sektor pelaburan berlandaskan Syariah.

Prestasi **TH** yang konsisten berbanding tahun yang lalu mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemaah Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota **TH** dalam memastikan penjanaan pulangan yang baik dan berterusan serta sokongan padu dari para pendeposit secara amnya.

SUMBER PENDAPATAN


Jumlah asset pelaburan **TH** 2012 terus mencatatkan pertumbuhan yang sihat sebanyak **22%** kepada **RM38.4 billion** daripada **RM31.4** billion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini adalah hasil alokasi tektikal pelaburan dan tabungan yang konsisten daripada para pendeposit **TH**.

Selaras dengan matlamat untuk memberi pulangan yang kompetitif dan berterusan kepada para pendeposit serta mengekal nilai modal pelaburan, **TH** terus melabur dalam instrumen yang berisiko sederhana dan stabil.



SIDANG MEDIA BONUS JUBLI EMAS TABUNG HAJI 2012

Sumber-sumber utama pendapatan pelaburan **TH** bagi tahun 2012 adalah daripada **pelaburan ekuiti sebanyak RM1.7 billion (60%)** di mana RM1.2 billion (41%) adalah urusanniaga saham dan RM530 juta (19%) adalah pendapatan dividen. Penyumbang kedua terbesar adalah **pelaburan sekuriti hutang** terutamanya bon Islam yang **menyumbang RM516 juta (19%)**.



| Sumber Pendapatan | 2011 | | 2012 | |
|---------------------------|------------|--------------|------------|--------------|
| | % | RM Juta | % | RM Juta |
| Ekuiti | 58 | 1,245 | 60 | 1,687 |
| Sekuriti Hutang | 15 | 334 | 19 | 516 |
| Hartanah | 9 | 205 | 8 | 220 |
| Pasaran Wang | 7 | 152 | 7 | 192 |
| Pembiayaan | 6 | 126 | 2 | 51 |
| Instrumen Kewangan | 4 | 97 | 3 | 85 |
| Lain-lain | 1 | 17 | 1 | 25 |
| Jumlah | 100 | 2,176 | 100 | 2,776 |

PENGHARGAAN

Kejayaan **TH** adalah kejayaan semua dan saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan pihak kerajaan terutamanya **YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak** yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada saya sendiri dan **TH**.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di Kabinet dan Ahli-ahli Parlimen yang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan **TH**.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Jemaah Lembaga Pengarah **TH**, Ahli-ahli Panel Pelaburan **TH**, Pihak Pengurusan dan para anggota **TH** yang telah memberi komitmen yang tinggi dan konsisten selama ini.

Para pendeposit boleh menyemak pengkreditan **Bonus Jubli Emas TH** 2012 melalui kaunter **TH** dan ATM bank-bank rakan strategik **TH** iaitu Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamic mulai **10 hb Februari 2013 (Ahad)**.

Akhir kata, pihak **TH** dan Kerajaan Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Pendeposit **TH** di atas sokongan dan kepercayaan yang berterusan. Saya menyeru agar semua umat Islam di Malaysia terus memberi sokongan kepada **TH**.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua sahabat-sahabat media yang sudi hadir dan telah banyak memberi sokongan yang berterusan kepada **TH**.


Saya sudahi dengan Wabillahittaufiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian Terima Kasih.

-TAMAT-

Lampiran I

BONUS PENDEPOSIT 2001-2012




- Kadar bayaran bonus tahunan **TH** 2012: 6.5% (RM2.13 bil)
 Kadar bayaran bonus tahunan 2011: 6.0% (RM1.68 bil)
 Peningkatan sebanyak : **27%**

***Jumlah Pembayaran Bonus Jubli Emas 2012: RM2.46bilion.
 Peningkatan keseluruhan sebanyak 46% berbanding
 dengan 2011 (RM1.68 bilion)***

Lampiran II

PENDAPATAN 2001 HINGGA 2012




| Butiran | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|----------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Pendapatan (RM Juta) | 1,165 | 1,857 | 1,513 | 1,751 | 2,056 | 2,176 | 2,776 |
| TkT (RM Juta) | 150 | 692 | (344) | 238 | 305 | 120 | 600 |
| TkT (%) | 15% | 59% | -19% | 16% | 17% | 6% | 28% |
| Purata TkT 2006-2012 | | | | | 18% | 16% | 17% |

- Pendapatan **TH** 2012: RM2.8 bilion
Pendapatan **TH** 2011: RM2.2 bilion

Peningkatan sebanyak 28% berbanding 2011

Lampiran III

KEUNTUNGAN BERSIH 2001 HINGGA 2012



| Butiran | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|------------------------------------|------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Keuntungan Bersih (RM Juta) | 641 | 1,071 | 1,001 | 1,119 | 1,497 | 1,689 | 2,146 |
| TkT (RM Juta) | 65 | 430 | (70) | 118 | 378 | 192 | 457 |
| TkT (%) | 11% | 67% | -7% | 12% | 34% | 13% | 27% |
| Purata TkT 2006-2012 | | | | | 23% | 22% | 22% |

- Keuntungan bersih selepas zakat 2012 : RM2.1 bilion
Keuntungan bersih selepas zakat 2011 : RM1.7 bilion

Peningkatan sebanyak 27% berbanding 2011.

Lampiran IV

SAIZ DAN DANA PENDEPOSIT

| Butiran | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|------------------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Pendeposit Berkumpul (Juta) | 5,249 | 4,433 | 4,744 | 5,041 | 5,627 | 6,956 | 8,170 |
| TkT (Juta) | 151 | (816) | 311 | 297 | 586 | 1,299 | 1,214 |
| TkT (%) | 3% | -16% | 7% | 6% | 12% | 23% | 17% |
| Purata TkT 2006-2012 | | | | | 2% | 6% | 7% |

- Bilangan pendeposit terkumpul 2012 : 8.2 juta pendeposit
Bilangan pendeposit terkumpul 2011 : 7.0 juta pendeposit

Peningkatan sebanyak 17% berbanding 2011


| Butiran | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|----------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| Dana Pendeposit (RM Juta) | 14,743 | 17,083 | 20,576 | 23,590 | 27,114 | 31,695 | 35,836 |
| TkT (RM Juta) | 1,424 | 2,340 | 3,493 | 3,014 | 3,524 | 4,581 | 4,141 |
| TkT (%) | 11% | 16% | 20% | 15% | 15% | 17% | 13% |
| Purata TkT 2006-2012 | | | | | 15% | 16% | 15% |

- Dana pendeposit terkumpul 2012: RM35.8 bilion
Dana pendeposit terkumpul 2011: RM31.7 bilion

Peningkatan sebanyak 13% berbanding 2011

Maklumat Tambahan

PRESTASI KEWANGAN TH 2006 – 2012



BAYARAN ZAKAT TH

| | 2006 RM Juta | 2007 RM Juta | 2008 RM Juta | 2009 RM Juta | 2010 RM Juta | 2011 RM Juta | 2012 RM Juta |
|-------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Zakat TH | 26.57 | 37.05 | 38.15 | 38.76 | 41.00 | 44.16 | 47.10 |

- Pembayaran Zakat meningkat sebanyak RM2.9 juta (7%) berbanding 2011.

Tamat